

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

‘PADU digodam, data kena curi adalah dakwaan palsu’

## ‘PADU digodam, data kena curi adalah dakwaan palsu’

### Orang ramai diminta henti sebar maklumat tidak sah

Oleh Faris Fuad dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dakwaan bahawa Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) negara digodam dengan datanya dicuri adalah palsu, tegas Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Mohd Uzir berkata, pihak PADU sudah membuat penafian mengenai penyebaran maklumat berkenaan menerusi aplikasi X, kelmarin sejouris dakwaan itu disedari.

“Alhamdulillah, kami sudah buat penafian (mengenai PADU digodam),” katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, DOSM yang juga agensi di bawah Kementerian Ekonomi melalui @paduofficial\_ di media sosial terbabit membuat

penafian dan menyatakan maklumat disebarkan itu tidak benar.

Pihak PADU menegaskan tidak akan berkompromi terhadap keselamatan data rakyat dan menasihatkan orang ramai supaya menghentikan penyebaran maklumat tidak sah.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata pihaknya menerima maklumat isu disebarkan menerusi satu forum yang mendakwa kononnya sistem PADU diceroboh.

Beliau berkata, selepas diteliti maklumat dalam laman itu didapati ia bukan sistem PADU, sebaliknya satu sub unit kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga

Negara (LPPKN).

**Bukan kali pertama berlaku**

Katanya, beliau berharap semua pihak menentukan kesahihan sesuatu maklumat sebelum disebarkan.

“Perkara ini bukan kali pertama berlaku dan ia perlu diperbetulkan dan berharap pihak media mengambil kesempatan bagi membantu dan memperbetulkan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Kod Etika Kewartawanan Malaysia di kementeriaannya di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa dan Ketua Pegawai Eksekutif Ins-

titut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Mustapa Omar.

Kelmarin, sebuah portal melaporkan sistem PADU dan LPPKN, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, digodam kumpulan dikenali sebagai ROOTKIT.

Menurut forum itu, penggodam mendakwa mencuri data daripada PADU dan kumpulan berkenaan mencerooboh infrastruktur keselamatan LPPKN dan mencuri data bersaiz lebih 27 gigabit (GB) daripada pelayannya.

Fahmi berkata, beliau memahami pihak media berlumba-lumba dalam menyampaikan berita tetapi mereka perlu mempertimbang dan seimbangkan kerana tajuk berita boleh menarik perhatian pembaca dan menjurus ke arah sedikit salah faham serta kekeliruan dalam masyarakat.

Katanya, walaupun negara mengamalkan dan membolehkan kebebasan media, ia bukanlah kebebasan yang mutlak.

Katanya, bagi individu atau organisasi yang membuat kenyataan tidak benar, undang-undang sedia ada sudah memadai bagi memastikan ketenteraman awam tidak terancam.

“Pihak PADU sudah membuat penafian mengenai penyebaran maklumat berkenaan menerusi aplikasi X, kelmarin sejouris dakwaan itu disedari”

Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan Jabatan  
Perangkaan Malaysia

